

TEKS UCAPAN

YB DATUK HAJAH RUBIAH BINTI HAJI WANG
TIMBALAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN PROGRAM PUSAT KOMUNITI DESA (PKD) *MOBILE* KUALA PERLIS, PERLIS

24 MEI 2025 (SABTU)
10.00 PAGI

KG. TENGAH, KUALA PERLIS, PERLIS

Terima kasih Saudara Pengerusi Majlis

(SALUTASI PENUH AKAN DIBERIKAN SEMASA MAJLIS)

ASSALAMUALAIKUM W.B.T.
SALAM SEJAHTERA, SALAM MALAYSIA MADANI, SALAM LUAR BANDAR SEJAHTERA.

PENGHARGAAN

Berbunga mekar si bunga tanjung,
Harum semerbak sepanjang pagi,
Negeri Perlis kecil sejurus, nan agung,
Penuh budaya, indah permai berseri.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya, kita dapat berhimpun dalam suasana penuh makna pada pagi ini, bersempena **Program Pusat Komuniti Desa (PKD) *Mobile* Kuala Perlis** anjuran **Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)** dengan kerjasama **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis dan Majlis Perbandaran Kangar (MPK).**

2. Saya merasa amat bertuah dan amat menghargai kesempatan yang diberikan kepada saya untuk saya menyantuni warga Kuala Perlis melalui wahana ini. Melihat kepada kehadiran pihak pentadbiran negeri, barisan kepimpinan tempatan, dan seluruh warga desa di

sekitar Kuala Perlis yang hadir pada pagi ini, membuktikan bahawa semangat komuniti dan nilai perpaduan desa masih kukuh dan utuh.

3. Tahniah dan syabas kepada pihak urus setia, **Bahagian Pembangunan Ekonomi Komuniti, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)** selaku penganjur program bersama-sama dengan **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis dan Majlis Perbandaran Kangar (MPK)** yang menjayakan program PKD *Mobile* pada kali ini.

PKD, PKD *MOBILE* DAN MINI PKD *MOBILE:* MEMBAWA PERKHIDMATAN KERAJAAN KE PINTU DESA

Yang Berhormat Dato' dan para hadirin yang saya hormati sekalian,

4. KKDW amat memahami keperluan untuk menyantuni dan mendekati rakyat, mendengar denyut nadi masyarakat dan seterusnya bertindak berdasarkan keperluan sebenar luar bandar di Malaysia. Hanya dengan pendekatan menyantuni ini, segala dasar yang dirancang oleh Kerajaan dapat disesuaikan dengan realiti di lapangan.

5. Namun begitu, memang kita akui bukanlah mudah untuk memastikan keberadaan Pusat Komuniti Desa (PKD) berbentuk fizikal yang merupakan simbolik keberadaan KKDW di lapangan, untuk menyantuni dan mendekati masyarakat luar bandar, dapat direalisasikan di semua kawasan. Apatah lagi untuk memastikan bilangannya seimbang dengan keluasan kawasan luar bandar sesebuah negeri tersebut. Contohnya di negeri Perlis yang indah permai ini terdapat 3 PKD sahaja iaitu PKD Bungor Kudong, PKD

FELCRA Lubok Sireh dan PKD Kok Klang. Kalau dibandingkan dengan negeri Sarawak yang berkeluasan lebih kurang 151 kali ganda keluasan negeri Perlis, hanya terdapat 6 PKD sahaja di sana.

6. Dalam hal ini banyak cabaran dan keterbatasan yang KKDW perlu harungi demi membawa mandat yang besar untuk memastikan kelestarian sinergi antara Kerajaan dan masyarakat luar bandar sentiasa terpelihara. Dengan kekuatan sebanyak **191 buah PKD** di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak, Pusat Komuniti Desa (PKD) berbentuk fizikal yang dahulunya dikenali sebagai *Rural Transformation Center* (RTC) dan Mini RTC merupakan satu inisiatif Kerajaan dalam usaha untuk membantu meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan masyarakat luar bandar selari dengan moto PKD iaitu **"Satu Hentian Pelbagai Perkhidmatan".**

7. Suka untuk saya kongsikan secara umumnya **lima (5) fungsi dan peranan** utama PKD dalam membawa perkhidmatan Kerajaan ke pintu desa, iaitu:

    i. Pertama, sebagai **pusat latihan kemahiran** di mana pelbagai latihan kemahiran dianjurkan contohnya kemahiran dalam bidang hidroponik, pengurusan kewangan, pembuatan produk kraftangan, pembuatan sabun, pembaikan peralatan elektrik dan sebagainya. Pengurus PKD turut berperanan membantu mereka yang berhasrat untuk menjadi usahawan setelah memperolehi kemahiran yang diperolehi daripada latihan kemahiran yang saya sebutkan tadi;

ii. Kedua, PKD juga berperanan sebagai **Pusat Aktiviti Pemerkasaan Wanita** iaitu melalui program-program seperti latihan kemahiran seperti masakan, jahitan, kek dan pastri, gubahan bunga dan sebagainya, program kesedaran berkaitan kesihatan wanita, bimbingan keusahawanan wanita dan lain-lain;

iii. Ketiga, PKD juga berperanan sebagai **Pusat Perkhidmatan Setempat** di mana dari semasa ke semasa Jabatan/Agensi Kerajaan atau swasta seperti POS Malaysia, Tabung Haji, Jabatan Pendaftaran Negara, JPJ, KKM dan sebagainya dijemput untuk mengadakan perkhidmatan bergerak di PKD;

iv. Keempat, PKD turut berperanan sebagai **Pusat Sukarelawan** melibatkan pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk melaksanakan pelbagai program kemasyarakatan dan bila mana berlakunya bencana seperti banjir dan sebagainya; dan

v. Kelima, PKD turut berperanan sebagai **Pusat Pengumpulan Produk Usahawan Desa.** Malah, dari segi pendigitalan yang sering diperkatakan sekarang, PKD turut memainkan peranan penting dalam membantu meningkatkan literasi digital di kalangan komuniti luar bandar melalui program-program yang dilaksanakan di PKD.

8. Keberadaan 191 PKD di lapangan telah berjaya melaksanakan sebanyak **23,714 program** yang melibatkan program-program yang saya maklumkan sebentar tadi dan telah memberi manfaat kepada kira-kira **648,502 orang** penduduk luar bandar di seluruh negara khususnya yang tinggal di sekitar lokasi PKD tersebut, bagi tempoh **RMKe-12, iaitu dari tahun 2021 hingga 2024**.

Yang Berhormat Dato' dan para hadirin yang saya hormati sekalian,

9. Sepertimana yang telah saya maklumkan pada peringkat awal tadi, bilangan PKD di sesetengah negeri adalah tidak seimbang dengan keluasan luar bandar sesebuah negeri tersebut. Bagi memastikan tiada kawasan luar bandar yang terpinggir, **Program PKD *Mobile* mula diperkenalkan pada tahun 2023** telah menjadi wahana atau medan untuk Kementerian menyantuni masyarakat desa secara lebih dekat dan efektif.

10. Program ini bertujuan **memperluas perkhidmatan Pusat Komuniti Desa (PKD) sedia ada, termasuk perkhidmatan Jabatan dan Agensi Kerajaan serta swasta, dalam bentuk 'perkhidmatan bergerak' ke kawasan luar bandar yang terpilih,** terutamanya **di lokasi yang tidak mempunyai PKD berbentuk fizikal (bangunan kekal) atau lokasi yang terletak jauh dari bandar utama.** Pendekatan ini membolehkan kita **merapatkan jurang perkhidmatan** dan memastikan tiada komuniti yang tercicir daripada menerima manfaat yang sepatutnya.

11. Banyak manfaat yang diperoleh daripada program PKD Mobile ini seperti:
    i. Pertama, **penduduk dapat mengetahui serta membuat permohonan terus untuk bantuan-bantuan yang ditawarkan oleh kerajaan;**
    ii. Kedua, **mendapatkan pelbagai bentuk perkhidmatan kerajaan;** dan
    iii. Ketiga, **menerima khidmat nasihat secara terus daripada Jabatan dan Agensi yang terlibat di kaunter bergerak**, selain pelbagai aktiviti sampingan yang disediakan untuk komuniti.

12. Saya telah terlibat dengan program ini dari peringkat awal lagi dan menjadi saksi kejayaan pelaksanaannya. Sejak tahun 2023 sehinggalah awal bulan Mei 2025, secara total program ini telah berjaya dianjurkan di **sembilan (9) lokasi** dan setiap penganjuran **mendapat sambutan amat menggalakkan daripada masyarakat, membuktikan keberkesanan pendekatan ini dalam membawa perkhidmatan terus kepada rakyat. Sebanyak 16,686 transaksi pelbagai urusan telah berjaya dilaksanakan melalui program PKD *Mobile*, melibatkan seramai 12,351 orang pengunjung.**

13. Kejayaan penganjuran PKD *Mobile* sebagai *game changer* juga telah membuktikan bahawa **pendekatan program ini amat berkesan dalam memperluaskan capaian perkhidmatan kerajaan, terutama di kawasan yang jauh dari pusat bandar.** Maka, untuk tahun ini, kita bukan sahaja akan meneruskan PKD *Mobile* berskala besar, malah saya juga telah mencadangkan pada tahun lepas agar

diperkenalkan pula inisiatif baharu iaitu **Mini PKD *Mobile*** di kawasan-kawasan pendalaman seperti di rumah-rumah panjang atau perkampungan terpencil.

14. Mini PKD *Mobile* akan dilaksanakan mengikut konsep yang sama seperti PKD *Mobile* tetapi dalam skala yang lebih kecil, lebih fleksibel, dan lebih dekat dengan komuniti pedalaman. Pelaksanaan Mini PKD *Mobile* ini bertujuan untuk memastikan tiada komuniti desa yang tercicir daripada menerima perkhidmatan dan maklumat Kerajaan, selaras dengan prinsip keadilan sosial dan kesejahteraan rakyat yang diperjuangkan di bawah Aspirasi Desa Madani.

15. Saya yakin, melalui pelaksanaan PKD *Mobile* dan Mini PKD *Mobile* ini, misi kita untuk memperkasakan desa, memperluaskan peluang, dan meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar akan dapat dicapai dengan lebih berkesan.

PKD *MOBILE* KUALA PERLIS, PERLIS

Yang Berhormat Dato' dan para hadirin yang saya hormati sekalian,

16. PKD *Mobile* Kuala Perlis merupakan program **PKD *Mobile* kedua** yang KKDW laksanakan pada tahun 2025, selepas kejayaan pelaksanaan program **PKD *Mobile*** di **Kota Samarahan pada 3 dan 4 Mei** yang lepas. Ini sekali gus membuktikan **komitmen berterusan KKDW** untuk terus mendekati dan menyantuni masyarakat luar bandar.

17. Sepanjang dua hari kita akan berkampung disini iaitu Sabtu dan Ahad, terdapat pelbagai bentuk informasi mengenai bantuan, perkhidmatan, khidmat nasihat dan aktiviti disediakan kepada penduduk desa sekitar di Kuala Perlis ini. Saya difahamkan bahawa sejumlah **17 Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri termasuk swasta** turut bersama-sama dengan PKD *Mobile* pada kali ini.

18. Oleh itu, di kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas penyertaan dari semua Kementerian/Jabatan/Agensi, swasta dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Program PKD *Mobile* pada kali ini. Suka saya sebutkan di sini semua pihak yang terlibat antaranya adalah:

    i. KKDW melalui Bahagian-Bahagian di bawahnya iaitu Bahagian Pembangunan Ekonomi Komuniti (EK), Bahagian Usahawan Desa (UD), Bahagian Kesejahteraan Rakyat (KR);
    ii. Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) Negeri Perlis;
    iii. MARA;
    iv. Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS);
    v. MOTAC Negeri Perlis;
    vi. Jabatan Pertanian Negeri Perlis;
    vii. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ);
    viii. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN);
    ix. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN);
    x. FELCRA;

xi. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO);

xii. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN);

xiii. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC);

xiv. Tabung Haji (TH) Negeri Perlis;

xv. Telekom Malaysia;

xvi. Protecthealth Corporation (Saringan Kesihatan B40 PEKA); dan

xvii. Genius Aulad.

19. Selain itu, sepanjang dua hari ini juga, Program PKD Mobile Kuala Perlis menampilkan pelbagai pengisian menarik seperti **Latihan Kemahiran mengenai Kursus Teknik Pemasaran di TikTok, Pembuatan Penanda Buku Daun Getah untuk kanak-kanak, Asas Pembuatan Bakul Rotan, dan Kursus Solekan Wanita.** Program kali ini turut diserikan dengan segmen **Bicara Wanita bertajuk "DanaNita: Wanita Desa Terus Melangkah ke Hadapan" oleh wakil MARA Negeri Perlis** yang memberi pendedahan mengenai peluang pembiayaan kepada 30 usahawan wanita. Selain itu, **Jualan Usahawan PKD juga mempamerkan pelbagai produk tempatan hasil bimbingan PKD** seperti makanan tradisional, kraftangan dan produk herba.

20. Program dua hari ini juga turut dimeriahkan dengan aktiviti sampingan seperti Pertandingan Mewarna, Cabutan Bertuah, Persembahan Artis, Karaoke, Kuiz Kahoot dan Sukaneka Desa.

21. Tidak cukup dengan itu, di atas keprihatan Kerajaan MADANI juga, atas dasar untuk mengurangkan beban sara hidup rakyat selama dua hari ini dibawakan Jualan Rahmah yang diterajui oleh **Kementerian**

Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan FELCRA yang menawarkan harga barang-barang keperluan seperti beras, minyak masak, gula dan lain-lain di bawah harga pasaran semasa sebanyak antara 10% - 30%.

PENUTUP

Yang Berhormat Dato' dan para hadirin yang saya hormati sekalian,

22. Tinggilah harapan saya agar peluang dan inisiatif yang telah dirancang oleh Kementerian ini dapat dilaksanakan dengan jayanya dan diterima dengan baik oleh warga desa di sekitar Kuala Perlis ini. Diharapkan sinergi kerjasama dan komitmen berterusan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri di samping sokongan oleh pihak swasta terus menerus diperkukuh dalam usaha menyantuni masyarakat luar bandar.

23. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, sekali lagi saya merakamkan **setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan Program PKD *Mobile* Kuala Perlis** ini.

Wahai Perlis, engkau permata,
Tersimpan elok di hujung nusa,
Aman damai selamanya,
Dalam cinta anak bangsa.

24. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan sukacitanya merasmikan Program PKD *Mobile* Kuala Perlis.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATUK HAJAH RUBIAH BINTI HAJI WANG
TIMBALAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
24 MEI 2025